

# Memanah tuai bonus emas

**PERLIS** - Selepas mencapai sasaran dua pingat emas pada Sukan Malaysia (Sukma) ke-17 Khamis lalu, skuad memanah terus menghadiahkan empat lagi kilauan emas buat kontinjen Terengganu di Lapang Sasar, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Dua emas pertama skuad memanah diraih menerusi Muhammad Shaiffuddin Mohd Kamro dalam acara 70 meter (m) recurve dan Nurul Iryani Muda melalui 70m compound, manakala masing-masing dua pingat perak dan gangsa sekali gus menepati sasaran awal kutipan pingat buat skuad kendalian, Shahru Izwan Ghani.

Kelmarin, Terengganu turus mendominasi kutipan pingat emas dengan meraih empat lagi pingat emas selepas menguasai acara 50m recurve lelaki (Muhammad Shaifuddin) dan wanita (Nuramalia Haneesha Mazlan), 50m compound (Lutfil Hadi Mohd Yusof) serta 30m compound lelaki (Lutfil Hadi).

Selain emas, skuad memanah turut menambah masing-masing satu pingat perak me-



Lutfil Hadi (kiri), Nuramalia Haneesha dan Muhammad Shaiffuddin meraikan kejayaan selepas meraih pingat emas di Lapang Sasar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.

nerusi Nurul Iryani dalam acara 30 compound wanita dan Danial Misban dalam acara yang sama.

Muhammad Shaifuddin yang meraih pingat kedua peribadinya mengakui dia tidak menghadapi sebarang tekanan walaupun berdepan dengan ramai atlet pelapis kebangsaan dan berazam untuk meraih lebih banyak pingat emas buat kontinjen Terengganu.

Pelajar Diploma Rekaan Industri di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) itu berkata, walaupun beliau te-

lah mencapai sasaran peribadi yang ditetapkan, namun dia mahu terus memperkenalkan aksi cemerlang sehingga tamat kejohanan.

"Kejayaan ini juga akan sayajadikan sebagai perang-sang untuk beraksi dengan lebih baik pada Kejohanan Universiti Dunia di Poland bulan depan," katanya.

Sementara itu, Lutfil Hadi yang meraih dua pingat emas kelmarin, melahirkan perasaan bangga apabila penyertaan kali pertamanya dalam temasya Sukma membawa hasil.